



KOPERASI KAKITANGAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA BERHAD

Lot 1-3, Tingkat 1, Jalan Cempaka Sd 12/1a, Bandar Sri Damansara Pju 9, 52200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-6263 4501 @ 8501

Fax : 03-6263 9501

E-Mail : admin@kkaimb.my

Ruj. Kami : KKAIMB/JOPPP_MEMO_PEMAKLUMAN/20221115_01
Tarikh : 15 NOVEMBER 2022

Kepada:

**Anggota-anggota
Koperasi Kakitangan Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (KKAIMB)**

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN MENGENAI KELULUSAN PEMBIAYAAN MUDAH TUNAI DALAM
TEMPOH 24 JAM HARI BEKERJA TERTAKLUK KEPADA PERMOHONAN YANG
LENGKAP**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa merujuk kepada Mesyuarat Khas Lembaga Kali Ke 3 Sesi 2021/2022 pada 07/10/2022 memutuskan urusan Pembiayaan Mudah Tunai yang lengkap diuruskan dalam tempoh 24 jam mulai 15 November 2022. Keputusan ini dibuat sebagai salah satu penambahbaikan urusan Pembiayaan Mudah Tunai.

3. Syarat-syarat Pembiayaan Mudah Tunai adalah seperti berikut:

- a) Telah menjelaskan *Fee* Masuk dan Modal Syer sebanyak RM100.00.
- b) Telah menjadi anggota Koperasi ini tidak kurang dari 12 bulan.
- c) Jumlah pembiayaan perlu dilindungi oleh Skim Tabung Khairat Hutang. Duti setem, yuran tawarruq, yuran proses dan sumbangan TKH akan dipotong dari jumlah yang diluluskan.
- d) Pembiayaan adalah tanpa penjamin.
- e) Maksima pembiayaan adalah RM10,000.00 tertakluk kepada jumlah saham dan yuran anggota.
- f) Kadar keuntungan sebanyak 5% setahun.
- g) Tempoh maksima bayaran balik pembiayaan adalah 24 bulan.

4. Sekian untuk perhatian dan makluman pihak tuan/puan. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang diamanahkan

Saad Bin Ishak
Pengerusi Lembaga KKAIMB

Sk: Fail Koperasi
Ahli Lembaga KKAIMB